

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 OKTOBER 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jerebu dijangka berkurangan mulai Selasa hingga Jumaat depan – Madius	BERNAMA
2.	Ketua Hakim Negara dahului senarai 983 penerima Darjah Kebesaran Sabah	BERNAMA
3.	Ketampakan rendah kurang 5 km akibat jerebu di sembilan negeri	BERNAMA
4.	Empat kawasan di Melaka, Negeri Sembilan catat IPU tidak sihat setakat 9 malam	BERNAMA
5.	Better air quality from next week	The Star
6.	Livelihoods of fishermen and farmers hit	New Straits Times
7.	Gempa bumi sederhana landa Laut Maluku Utara	BERNAMA



Jerebu Dijangka Berkurangan Mulai Selasa Hingga Jumaat Depan - Madius

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Keadaan jerebu yang melanda negara, dijangka berkurangan mulai Selasa hingga Jumaat ini (6-9 Okt) berikutan perubahan arah tiupan angin, kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Madius Tangau](#).

Namun, beliau berkata mulai 10 Okt, jerebu dijangka kembali berikutan ribut tropika yang diramal terbentuk di timur Filipina, dan jika kebakaran di Sumatera dan Kalimantan, masih belum dipadamkan.

"Pada awalnya, [MetMalaysia \(Jabatan Meteorologi Malaysia\)](#) menjangkakan jerebu teruk yang melanda negara sejak pertengahan September, akan berakhir pada awal Oktober ini berikutan bermulanya fasa peralihan monsun.

"Namun, oleh kerana terbentuknya beberapa ribut tropika di perairan Filipina menyebabkan tiupan angin dari arah barat daya yang konsisten. Keadaan ini menyebabkan jerebu rentas sempadan kembali melanda negara," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata ribut tropika itu dikenali sebagai Mujigae yang terbentuk pada 1 Okt lepas, menyebabkan tiupan angin kembali dari arah barat daya.

Keadaan jerebu yang melanda negara menyaksikan sehingga 6 petang ini, sebanyak 24 kawasan mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat, berbanding 13 kawasan setakat 12 tengah hari tadi.

Menurut portal Jabatan Alam Sekitar, dua kawasan di Negeri Sembilan antara yang mencatat IPU tertinggi iaitu Seremban (172) dan Nilai (171), selain Shah Alam, Selangor dan Batu Muda, Kuala Lumpur yang turut merekodkan bacaan IPU 171.

-- BERNAMA



Ketua Hakim Negara Dahului Senarai 983 Penerima Darjah Kebesaran Sabah

KOTA KINABALU, 2 Okt (Bernama) -- Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria mendahului senarai 983 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormat sempena ulang tahun ke-62 Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin esok.

Arifin adalah antara empat penerima Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) iaitu darjah kebesaran tertinggi Sabah yang membawa gelaran 'Datuk Seri Panglima'.

Tiga yang lain ialah Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Raymond Tan Shu Kiah, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau](#) dan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah kawasan Pantai Manis Datuk Abdul Rahim Ismail.

Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar pula antara 48 orang yang dianugerahkan darjah kedua tertinggi negeri iaitu Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) yang membawa gelaran 'Datuk'.

Turut menerima PGDK ialah Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun, ADUN Bongawan Mohamad Alamin, Pemangku Ketua UMNO Bahagian Sepanggar Yakub Khan, Ketua Wanita UMNO Bahagian Kota Kinabalu Datin Sharifah Habib Alawi, Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Ginun Yangus, dan Setiausaha Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan di Jabatan Ketua Menteri Sabah Dr Moktar Yassin Ajam.

Penerima PGDK yang lain ialah Abdullah Mohd Mahyuddin, Adnan Puteh, Anthony Lamb, Anuar Safian, Arsit Sedi @ Sidik, Awang Alek Jeman, SAC Azham Othman, Chin Teck Seng, Francis Lee Chin Young, Goh Wah Young @ Gerald Goh, Gullam Hassan Yacob, Hamid Tan, Dr Heng Aik Cheng, Iain John Lo, Ijap Tayong, Jaimin Samitah, Jattray Abie @ Jeffry Mohd Ali, Kapten Jayaram Nair, Jemil Sida, Jilid Kuminding @ Zainuddin, Kamariah Mohd Noah, Kamaruzzaman Ab Salleh, Katherine Lee Mei Oi, Koris @ Konis Sakida, Liew Kong Khai, Lim Henn Jin @ Margaret Lim, Mahmud Amat Shah, Maimunah Khalid, Prof Madya Mohd Dandan @ Ame Alidin, Nellie Sikodol, Dr Ng Chee Hing, Dr Pulivendhan Sellamuthu, Sia Hiong Sing, Sia Teong Heng, Siau Wui Kee, Steven Joker @ Steven Gunsalam, Teo Chit Ming @ Teo Chee Ming, Tiyunin Jeman, Wong Chen Khiong @ Ridza Wong, Wong Kon Fan dan Zaiton Ajamain.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak pula antara 11 orang yang dianugerahkan Jaksa Pendamai (JP).

Turut dianugerahkan JP ialah Exco Penerangan Sabah Datuk Sapawi Ahmad, Pengerusi Yayasan Nur Jauhar, Al Hamra Juhar yang juga anak Yang Dipertua Negeri dan Pengarah Kastam Negeri Datuk Dr Janathan Kandok.

Selain itu, Cheng Ho Wah @ Roland Cheng; Datin Barbara @ Silvia Edward; Datuk Ruddy Awah; Datuk Nancy Ho Chow Hsin @ Nancy Chow; Datuk Tang Ling Sing @ Tang Lung Sing; Kwan Yuen Sin Elaine dan Saiful Azlan Mokhtar juga menerima JP.

Seramai 70 orang pula menerima Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) termasuk Pengarah Taman-Taman Sabah Dr Jamili Nais, ahli geologi Prof Dr Felix Tongkul, Komander Polis Marin Sabah ACP Mohamad Madun, Pengarah Imigresen Sabah Noor Alam Khan A. Wahid Khan, Pengarah Bomba dan Penyelamat Sabah Nordin Pauzi, Ketua Pemuda UMNO Sabah Yamani Hafez Musa, peguam Datuk Mohd Hafarizam Harun dan wartawan TV3 Elphege Godomon.

Kakitangan Jabatan Penyiaran Sabah Lailah Elok juga antara 124 penerima Ahli Darjah Kinabalu (ADK).

Sementara itu, malim gunung yang terkorban semasa kejadian gempa bumi di Ranau pada 5 Jun lepas iaitu Joseph Salungin, Ricky Masirin, Robbie Sapinggi dan Vallerian Joannes adalah antara 320 penerima Bintang Setia Kinabalu (BSK).

Turut menerima BSK ialah Apolos Jeremos, seorang anggota bomba yang terkorban dalam operasi memadam kebakaran di Sandakan pada Julai lepas.

Seramai 268 lagi menerima Bintang Kinabalu (BK) dan 138 orang lagi menerima Sijil Kehormat (SK).

-- BERNAMA



Ketampakan Rendah Kurang 5 Km Akibat Jerebu Di Sembilan Negeri

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia \(MetMalaysia\)](#) mengeluarkan amaran ketampakan rendah kurang daripada lima kilometer akibat jerebu di sembilan negeri yang dijangka berterusan sehingga hari ini.

Menurut kenyataan MetMalaysia pada Sabtu, negeri terlibat di sekitar perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Sarawak.

"Keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran," tambah kenyataan tersebut.

Jabatan Meteorologi juga mengeluarkan amaran ribut petir yang berlaku di perairan Sarawak iaitu di Kuching, Rejang, Mukah, Miri dan Bintulu yang dijangka berterusan sehingga pagi ini.

Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil.

-- BERNAMA

